

LAKUKAN LEBIH SELAGI BOLEH... BUKAN LAKUKAN ASAL BOLEH

DOA

MOHON KESABARAN DAN KEKUATAN

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا
وَدَبِّتْ أَفْئَامَنَا وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

MAKSUDNYA:

"Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami dan teguhkanlah pendirian serta menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir." (Surah al-Baqarah 2: 250)

TARGET VIP

LUAR BIASA DALAM BIASA-BIASA.

Biar Berbekas

Setiap daripada kita ada aura dan pengaruh masing-masing. Jangan lagi berasa

Siapa yang tidak mahu menjadi yang terbaik? Jika kita pelajar, pasti terlintas dan berazam untuk sekurang-kurangnya mahu menjadi pelajar contoh, bukan? Begitu juga dalam alam pekerjaan dan setiap perkara yang dilakukan.

Bukanlah mengejar kesempurnaan apatah lagi untuk meraih kebanggaan, sebaliknya itulah pilihan terbaik kita untuk menjadi yang terbaik. Kepuasan sebenar itu tatkala apa yang diusahakan ada bekasnya. Subhanallah. Sesiapa sahaja boleh menjadi yang terbaik sebenarnya, tanpa melihat orang lain.

beruntung menjadi seperti si fulan atau si fulanah. Kita dijadikan untuk menjadi diri sendiri, bukan orang lain. Ayuh, hargailah diri sendiri.

Petik perkara positif daripada orang lain dan mulakan perubahan diri. Ingatlah, kita memiliki peluang yang sama iaitu kesempatan untuk hidup dan menjadi yang terbaik.

Jika hidup, biarlah ada bekas, ada kesannya! Jadilah pohon berbunga yang dapat memberi manfaat lebih berbanding pohon yang sekadar tumbuh. Begitu juga keberadaan kita di dunia. Ingatlah, Allah tidak melihat pada jasad atau rupa, tetapi pada hati.

Rasulullah s.a.w. berpesan: "Wahai manusia, lakukanlah amalan mengikut keupayaan kamu. Sesungguhnya Allah tidak jemu sehinggalah kamu jemu. Sesungguhnya amalan yang paling Allah sukai adalah amalan yang berterusan walaupun sedikit." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Lebihkan Memberi dan Menjadi

Binalah prinsip untuk menjadi tangan yang memberi. Sabda Rasulullah, yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad menyebutkan setiap kebaikan ialah sedekah, tangan yang di atas (yang memberi) lebih baik daripada tangan yang dibawah (yang menerima).

Dalam setiap apa jua keadaan diri kita, terdapat banyak ruang yang diberi-Nya kepada kita untuk menjadi yang terbaik. Pilihlah mahu menjadi yang mana. Sungguh, luas pintu menuju kebaikan-Nya.

Wan Nor Zaidilah

B.A. Bahasa Arab & Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia


Kerana itu amat tepat hadis yang menyarankan setiap manusia untuk merebut lima kesempatan iaitu muda sebelum tua, sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sibuk dan hidup sebelum mati." (Riwayat al-Hakim)

Jika Aku...

Lihatlah peluang dan tawaran luas untuk menjadi yang terbaik dalam kehidupan. Senaraikan yang lain.

Luar Biasakan yang Biasa

Tiada rahsia untuk menjadi yang terbaik atau luar biasa. Semua tahu bagaimana mahu menjadi yang luar biasa. Ya, biasa-biasakan yang biasa, kelak yang luar biasa akan terbiasa.

Ambil contoh mudah dalam berkawan. Kita punya ramai kawan sejak kecil hingga kini. Namun, apa yang menjadikan diri kita luar biasa berbanding kenalan yang lain? Rebutlah kesempatan untuk menjadi yang banyak memberi berbanding menerima. Begitulah. Jadilah yang luar biasa dalam biasa-biasa! 

facebook.com/WardahSafiah
zaidilah@telagabiru.com.my

JIKA ...	JANJI-NYA
Anak	Apabila seseorang mati terputuslah daripada amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang berdoa kepadanya. (Riwayat al-Tirmizi)
Pencinta ilmu	Sesungguhnya Allah, malaikat dan penduduk langit dan bumi, hinggakan semut di dalam lubang dan juga ikan paus mendoakan kebaikan orang yang mengajar perkara baik kepada manusia. (Riwayat al-Tirmizi)
Penyabar	Tiada hamba yang meneguk air lalu mendapat ganjaran yang lebih besar di sisi Allah daripada hamba yang meneguk air menahan kemarahan kerana Allah. (Riwayat Ibn Majah)
Pendosa	Dua mata yang tidak disentuh oleh api neraka, antaranya ialah mata yang menangis kerana takutkan Allah. (Riwayat al-Tirmizi)
Sahabat	Sahabat yang terbaik di sisi Allah ialah sahabat yang paling berbuat baik kepada sahabatnya. (Riwayat Ahmad dan al-Tirmizi)
Jiran	Jiran yang terbaik di sisi Allah adalah mereka yang paling banyak berbuat baik kepada jirannya. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)
Isteri	Apabila seseorang wanita itu menunaikan solat lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, menjaga maruah dan mentaati suami, maka dia dijemput masuk syurga mengikut pintu yang disukai. (Riwayat Ahmad)

YANG BIASA	YANG LUAR BIASA
Membuat kebiasaan	Membuat kelainan.
Mencari peluang.	Mencipta peluang.
Berehat-rehat.	Rehat dan rawat.
Selesa untuk bersendirian.	Memilih untuk kolektif.
Nanti.	Sekarang.
Berfikir hal sendiri.	Berfikir hal orang lain.
Mukminin.	Mukhlisin.